# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 17 | RABU 26HB APRIL, 1978 | 1398 رابو 18 جمادي‌الاول | PERCHUMA


# SIKAP MEMILEH KERJA MERUGIKAN DIRI SENDIRI DAN NEGARA



Y. B. Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman ketika beruchap di-majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohd Taha, Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam, mengingatkan kapada mereka yang maseh belum mempunyai pekerjaan di-negeri ini supaya tidak terlalu memileh pekerjaan, kerana perbuatan demikian akan merugikan diri sendiri dan negara.

Kata-nya sekarang ini pun sudah terdapat lebeh kurang 14,000 orang pekerja luar negeri terpaksa di-datangkan ka-negeri ini untok menyelanggarakan pekerjaan bagi pembangunan dan kemajuan negara, kerana itu beliau yakin jika sikap tidak memileh sebarang pekerjaan ujud, perkataan penganggoran tidak akan menjadi masaalah dan besar kemungkinan ia-nya tidak akan timbul di-negeri ini.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman berkata demikian ketika membuka rasmi Kursus Sivik Bimbingan Tenaga bagi pemohon2 kerja di-Jabatan Buroh pada pagi Isnin yang lalu.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam menyatakan bahawa tidak-lah dapat di-nafikan segala ranchangan pembangunan dan kemajuan negara akan dapat berjalan dengan terator untok menchapai chita2 dan matalamat yang di-tuju demi meninggikan taraf hidup raayat dan penduduk negeri ini hanya menerusi keadaan aman, damai dan kerjasama raayat-nya.

Bagaimanapun menerusi kursus sivik yang di-sertai dengan cheramah2 oleh pegawai2 kanan Kerajaan itu, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja menaroh harapan supaya peserta2 kursus akan mengambil kesempatan tersebut yang julong2 kali di-adakan yang bertujuan untok memahami peranan kita sa-bagai sa-orang raayat negeri ini.

"Jadikan-lah isi kandongan dan pengalaman yang di-perolehi dari kursus ini sa-bagai buah fikiran pada membolehkan para peserta mengambil satu2 langkah yang positif dan yang bermunafaat untok memperbaiki lagi kedudokan penghidupan para peserta untok menjadi raayat yang berguna serta membena bangsa, nosa dan ne-

Lihat muka 16

## *Kerajaan hanya melengkapkan dan membimbing tenaga raayat*



YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd. Saleh.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan hanya bertanggong-jawab dalam melengkapkan dan membimbing tiap2 tenaga raayat negeri ini supaya ia akan terus berjuang untok menghadapi soal2 hidup.

Justeru itu peserta2 kursus Bimbingan Tenaga dan mereka yang belum mempunyai pekerjaan di-negeri ini di-ingatkan supaya tidak akan menaroh rasa kechewa yang mana dengan perasaan kechewa ini nanti anasir2 jahat akan dengan mudah memperalatkan mereka untok merosakkan bangsa dan negara kita.

Demikian antara lain yang telah di-tekankan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Md. Saleh bin Haji Masri, Ketua Pegawai Penerangan ketika memberikan uchapan alu2an-nya di-majlis pembukaan rasmi Kursus Sivik Bimbingan Tenaga di-Pusat Belia pada hari Isnin lalu.

Terdahulu dari itu Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa dalam uchapan-nya telah menyatakan bersesuaian dengan thema kursus 'BERDIKARI ASAS PEMBANGUNAN' ini ada-lah merupakan betapa penting-nya penyertaan raayat pada menchapai pembangunan negara.

Menyatakan sa-jauh mana penchapaian dan kesempurnaan sesuatu pembangunan itu, Yang Dimuliakan Ketua Pegawai Penerangan berkata, ia-nya ada-lah bergantong besar atas perubahan sikap dan chara hidup berkemajuan yang perlu ujud di-jiwa sa-tiap raayat.

"Raayat hendak-lah bersedia dan sanggup menerima perubahan ini. Perubahan sikap serupa ini dapat di-ta'arifkan sa-bagai konsep "BERDIKARI", tambah-nya.

Menjelaskan peri mustahak-nya kursus tersebut yang di-hadhiri oleh pemohon2 kerja itu, Yang Dimuliakan Pehin berkata ia-nya ada-lah di-hasratkan untok memberikan bimbingan ka-arah pembangunan mental; agar tenaga yang sedemikian akan dapat di-pergunakan pada mengekalkan perpaduan dan persefahaman yang kokoh dan padu.

"Saya penoh yakin bahawa kursus seumpama ini akan beroleh kejayaan, sekalipun kejayaan-nya itu tidak dapat di-nekmati dan di-chapai dalam sekelip mata sahaja, namun kejayaan sa-benar-nya bergantong besar kapada penerimaan rohani dan jasmani", kata-nya lagi.

Sa-banyak 11 buah cheramah telah di-atorkan di-sepanjang kursus yang berjalan sahingga petang hari ini. Antara-nya, ia-lah 'Peranan Pejabat Buroh dan Hubongan-nya Dengan Orang Ramai,' 'Proses Pengambilan Kerja', 'Pulis Sabagai Kerjaya', 'Peluang2 Kerja Di-Sharikat Minyak Shell' dan 'Peranan Jabatan Perjawatan.'

## Pertunjokan Pertanian Daerah2 Belait dan Brunei-Muara

KUALA BELAIT. — Pertunjokan Pertanian bagi Daerah Belait akan di-adakan pada 17hb September akan datang. Pertunjokan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian Daerah Belait itu berthemakan Memperbaiki Tanaman2 Pemakanan dan Pokok2 Kekal, Meluaskan Tanaman Rumput Bermutu Untok Ternakan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pertanian meminta orang ramai khas-nya peladang2 di-daerah itu supaya membuat persediaan dari sekarang.

Kata-nya barang2 yang akan di-pamerkan dalam pertunjokan itu nanti ia-lah padi paya dan bukit termasok beras-nya; jenis2 sayoran daun dan buah, ubi2an, jenis hasil tanaman rampaian saperti kopi, halia, kunyit, kelapa, lada sulah, ubi kering, tepong ubi kayu, minyak kelapa, tembakau Brunei, sago dan kachang tanah.

Binatang2 ternakan, telor dan hasil2 kerajinan tangan yang di-gunakan sa-hari2 juga akan di-pamerkan.

Beberapa hadiah menarek akan di-berikan kapada peserta yang berjaya dalam pertunjokan tersebut.

Sementara itu, pertunjokan yang sama bagi Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Steshen Pertanian Kilanas pada 1hb Oktober, 1978. Pertunjokan pada tahun ini berthemakan 'Perkembangan Pertanian Menghendaki Penyertaan Raayat Khas-nya Belia2'.

Sa-lain dari jenis hasil tanaman saperti yang akan di-pamerkan di-Daerah Belait itu, satu pameran dari hasil pertanian2 bagi sekolah2 akan di-adakan. Dari itu, sekolah2 yang mengusahakan tanaman di-kawasan sekolah mereka ada-lah di-pelawa untok mengambil bahagian dalam pertunjokan tersebut. Hadiah2 akan di-beri kapada sekolah dan bukan kapada murid2 atau penuntut2 sa-chara perseorangan.

## Sharikat K-sama akan di-tuboh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan akan menubohkan sa-buah Sharikat Kerjasama. Sa-buah jawatankuasa sementara bagi menyelanggara sharikat itu telah di-bentok baru2 ini.

Menurut Setia Usaha Sementara, Awang Puteh bin Jukin, tujuan penubohan sharikat tersebut ia-lah un-

Lihat muka 16

**Pelita Brunei**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

26HB APRIL, 1978

# BERDIKARI ASAS PEMBANGUNAN

BAHAGIAN Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, telah menganjorkan kursus yang pertama dalam rangka projek-nya tahun ini. Kursus pada kali ini, yang akan berakhir pada petang ini juga ada-lah sa-bagai pembaharuan dan sedikit berlainan dari kursus2 yang pernah di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan. Kerana kursus2 yang lalu telah di-anjorkan hanya-lah di-bukakan kapada kakitangan Kerajaan, Penghulu2, Ketua2 Kampong, Ketua2 Rumah Panjang dan penuntut2 seberang laut; maka kursus pada kali ini di-anjorkan untok peserta-nya bukan dari kakitangan Kerajaan atau swasta. Peserta2 kursus kali ini di-pileh dari pemohon2 kerja dengan Jabatan Buroh di-seluroh negeri.

Bersesuaian dengan thema kursus kali ini ia-itu "Berdikari Asas Pembangunan", ada-lah merupakan betapa penting-nya penyertaan raayat menchapai pembangunan negara. Dan untok menentukan sa-jauh mana penchapaian dan kesempurnaan pembangunan itu ada-lah bergantong besar atas perubahan sikap dan chara hidup berkemajuan yang perlu wujud di-jiwa sa-tiap raayat di-negeri ini. Raayat hendak-lah bersedia dan sanggup menerima perubahan dan perubahan sikap itu pula dapat di-ta'arifkan sa-bagai konsep "BERDIKARI" (Berdiri di-atas tapak kaki sendiri).

Kursus yang di-beri nama "Bimbingan Tenaga" ini juga ada-lah bersesuaian, kerana peserta2-nya terdiri dari pemohon2 kerja dengan Jabatan Buroh, yang di-anggap sa-bagai satu tenaga yang tidak kurang penting-nya dalam memainkan peranan untok pembangunan negara kita Brunei Darussalam ini.

Menyedari akan hakikat ini, maka kursus "Bimbingan Tenaga" ini ada-lah di-hasratkan untok memberikan bimbingan ka-arah pembangunan mental; agar tenaga yang sedemikian itu akan dapat di-pergunakan pada mengekalkan perpaduan serta persafahaman yang kukoh dan padu terutama pada mengekalkan keamanan serta kesejahteraan yang sedang kita nekmati itu.

Maka untok mengukor kejayaan kursus tersebut dan kursus2 yang pernah di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, tidak-lah dapat di-nekmati atau di-chapai dengan sa-kelip mata sahaja, namun kejayaan sebenar-nya ada-lah bergantong besar kapada penerimaan rohani dan jasmani. Apa yang di-harapkan semoga peserta2 kursus itu sedikit sa-banyak akan dapat membawakan perubahan sikap chara berfikir sa-lepas berkursus bukan saperti kata perumpamaan Melayu "Saperti gagak pulang ka-benua" atau pun kata orang-tua2 kita "membawa sisir rumpang".

# DARI BILEK TAKLIMAT

## MUKIM BERAKAS

### Siri ke-12

DALAM siri yang ke-11 minggu lalu kita telah membawa Awda meninjau tujoh buah kampong dalam Mukim Berakas ia-itu salah sa-buah mukim yang terbesar dalam Daerah Brunei dan Muara.

Sekarang kita meninjau pula ka-Kampong Lambak yang terletak di-sepanjang Jalan Berakas hingga ka-Berakas Kem. Kampong ini mempunyai penduduk kira2 2,914 orang dan mendiami kira2 680 buah rumah. Ketua Kampong-nya ia-lah Awang Haji Juna bin Kahar. Menurut ranchangan Kerajaan DYMM melalui Jabatan Perpindahan di-Kampong ini-lah terletak-nya kawasan perpindahan untok menempatkan kira2 1,113 orang keluarga.

Di-samping mempunyai kemudahan2 saperti bekalan letrik, ayer, talipon, kampong ini juga mempunyai sa-batang jalan kira2 2½ batu. Dulu-nya jalan tersebut ada-lah di-bawah jagaan Pejabat Daerah, tetapi sekarang di-ambil aleh oleh Jabatan Kerja Raya. Sa-buah sekolah Melayu juga telah di-bena untok memudahkan kanak2 di-kampong tersebut.

Awang Haji Juna juga pada masa ini merangkap sa-bagai Ketua Kampong Serusop, kerana kampong yang mempunyai kira2 1,298 orang pendudok itu belum mempunyai ketua. Banyak rumah di-kampong tersebut ia-lah kira2 215 buah. Salah satu kemudahan yang terdapat di-kampong tersebut ia-lah sa-batang jalan raya yang sekarang di-bawah jagaan Jabatan Kerja Raya. Lain2 kemudahan ada-lah saperti yang terdapat di-Kampong Lambak. Kanak2 dari kampong ini bersekolah di-Sekolah Melayu Anggerek Desa.

Kampong Terunjing juga di-bawah jagaan Ketua Kampong Lambak. Kampong ini hanya mempunyai kira2 94 orang pendudok yang mendiami kira2 22 buah rumah. Kemudahan utama di-kampong ini ia-lah sa-batang jalan kechil sa-jauh dua batu. Lain2 kemudahan ia-lah bekalan letrik dan ayer.

Sekarang kita beraleh pula ka-kampong Anggerek Desa dan Pulaie. Ketua kampong-nya ia-lah Awangku Yahya bin Pg Hashim. Ramai pendudok-nya ia-lah kira2 960 orang yang mendiami kira2 152 buah rumah. Kampong ini ada-lah kampong perpindahan yang di-buka pada tahun 1953, yang mana tiap2 keluarga di-kampong ini di-beri dua ekar tiap2 satu plot.

Kampong ini ada-lah salah sa-buah kampong yang chepat berkembang. Di-sini-lah terdiri-nya beberapa blok rumah pangsa bagi kaki tangan kerajaan. Dan di-kampong ini-lah juga letak-nya Kolam Berenang yang di-bawah jagaan Jabatan Belia dan Sokan.

Dari Kampong Anggerek Desa kita meninjau pula Kampong Delima 1, Pengiran Siraja Muda. Ramai pendudok-nya kira2 1,789 orang dan mendiami kira2 600 buah rumah. Ketua kampong-nya ia-lah Pg. Haji Buntar bin Pg Sulaiman. Kampong ini juga ada-lah kampong perpindahan yang bermula tahun 1953 terletak di-Batu Satu Jalan Muara. Banyak plot di-kampong ini 60 plot. Tiap2 satu plot mempunyai keluasan tanah dua ekar.

Kemudahan2 di-kampong ini ada-lah sama saperti kampong2 lain ia-itu jalan raya untok menghubongkan kampong2 yang berdekatan saperti kampong Pancha Delima, Kampong Orang Kaya Besar Imas dan ka-kampong Anggerek Desa. Dan mempunyai sekolah kekal yang baharu, letrik, bekalan ayer, kawat talipon dan surau, yang juga telah di-jadikan sekolah ugama bagi kanak2 yang belajar Persediaan Inggeris Petang maka mereka di-sekolahkan ugama pada pagi-nya. Sekolah ugama ini ada-lah atas inisiatif pendudok2 kampong ini atas kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Boleh di-banggakan Surau Kampong Delima I ini telah maju dan sentiasa di-gunakan untok sembahyang berjemaah.

Sa-sudah kita meninjau kampong Delima I tadi, sekarang kita masok sedikit ka-dalam-nya, di-mana terletak sa-buah kampong bernama Kampong Orang Kaya Besar Imas Berakas. Ketua kampong-nya ia-lah Awang Ahmad bin Haji Jamudin. Ramai pendudok-nya kira2 398 orang dan banyak rumah di-dalam-nya kira2 56 buah rumah.

Pendudok2 di-kampong ini ada juga setengah2-nya dudok di-tanah tumpang sementara namun demikian kemudahan2 ada-lah tidak di-bezakan oleh kerajaan. Mereka mendapat kemudahan yang sama saperti kampong2 yang lain. Bagi mengetahui selanjut-nya kampong ini, kampong ini juga ada-lah Kampong Perpindahan yang bermula pada tahun 1953 sama saperti kampong2 Anggerek Desa dan Delima I. Banyak plot di-kawasan kampong ini 45 plot. Kanak2 yang bersekolah dari kampong ini ada-lah bersekolah di-Sekolah Melayu Anggerek Desa yang tidak berapa jauh dari kampong tersebut. Kemudahan2 ada-lah sama saperti kampong2 yang berdekatan dengan-nya. Di-belakang kampong ini masa ini telah mempunyai sa-batang jalan raya yang baharu yang menghubongkan Jalan Berakas dengan Kampong Mabohai. Dan tembusan2-nya boleh menghubongkan kuala2 jalan Kampong Anggerek Desa, Pancha Delima, Delima I dan Kampong Orang Kaya Besar Imas.

Sekarang kita pindah meninjau pula Kampong Pancha Delima. Ketua-nya ia-lah Tuan Haji Yaakub bin Haji Metali. Ramai pendudok-nya kira2 625 orang dan banyak rumah2 di-dalam-nya kira2 95 buah rumah. Kampong ini juga ada-lah kampong perpindahan pada tahun 1953 keluasan kawasan tiap2 satu plot dua ekar, dan banyak plot di-dalam-nya 42 plot. Kemudahan2 yang ada di-kampong ada-lah saperti Balai Pulis, Kelinik, Masjid baharu, dan di-tengah2 kampong-nya masa ini terdapat sa-buah surau, yang mana surau ini juga masa ini di-gunakan juga bagi kemudahan2 kanak2 di-kampong bersekolah ugama.

Begitu juga kampong ini telah mempunyai bekalan letrik, ayer dan kawat talipon, bagi kanak2 mereka bersekolah dari kampong ini ka-Sekolah Melayu Anggerek Desa. Di-kampong ini juga terletak sa-buah sekolah Inggeris yang di-namakan Berakas English School. Tidak hairan-lah kerajaan akan memberi segala kemudahan2 kapada kampong2 apatah lagi kalau kampong itu di-namakan Kampong Perpindahan sudah tentu penghuni di-dalam-nya akan di-beri kemudahan2 yang lengkap.

Sa-telah itu kita beraleh pula ka-Kampong Jaya Setia. Kampong ini juga dalam ranchangan perpindahan tahun 1962. Ketua kampong-nya ia-lah Haji Ibrahim bin Abdul Rahman yang juga menjadi Penghulu Mukim Berakas. Kampong ini mempunyai kira2 714 orang dan mendiami kira2 87 buah rumah.

Kemudahan2 yang terdapat di-kampong ini ada-lah saperti Balai Raya, Kedai Kampong Perpindahan, Pasar Kampong Perpindahan, Kelinik, Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Pundok Pulis, Masjid Sufri Bolkiah, bekalan ayer dan bekalan letrik. Sekolah2 dan lain2 kemudahan yang di-sebutkan tadi ada-lah kesemua-nya bagi kemudahan kampong2 perpindahan yang di-sekeliling kampong ini saperti, Jaya Bakti Kampong Burong Pingai Berakas.

Berdekatan dengan kampong Jaya Setia ini ia-lah kampong Jaya Bakti yang juga di-bawah jagaan Awang Haji Ibrahim. Ramai pendudok di-dalam kampong ini ada-lah kira2 754 orang dan mendiami kira2 77 buah rumah. Kemudahan2 ada-lah sama saperti di-kampong Jaya Setia. Kampong ini juga di-bawah Ranchangan Perpindahan tahun 1962.

Apabila kita melintasi kampong2 yang saya sebutkan tadi kita akan dapat pula berjumpa kampong yang bernama Kampong Burong Pingai Berakas, kampong ini ada-lah di-bawah Ranchangan Perpindahan tahun 1953 yang sa-baya dengan kampong2 Anggerek Desa, Pancha Delima dan Delima satu. Kampong Burong Pingai Berakas ini ketua kampong-nya ia-lah Awang Haji Md. Yusof bin Datu Imam Haji Mokti. Ramai pendudok di-dalam-nya kira2 578 orang, dan mendiami 57 buah rumah. Kemudahan2 ada-lah saperti kampong2 Jaya Bakti dan Jaya Setia.

Dengan meninjau ka-Kampong2 Jaya Bakti dan Jaya Setia itu, maka berakhir-lah tinjauan kita ka-Mukim Berakas. Dan dalam siri2 yang akan datang Awda akan kami bawa meninjau lain2 mukim.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 20hb April, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. FISH CURRY POWDER (Chap Rusa 340g.) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
   b) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
   c) A. M. Mohammad Ali Maricar, No. 87, Jalan Chevalier.
   d) A. Muthian, No. 9, Jalan McArthur.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hen Loong, No. 31, Jalan Sultan.
3. KACHANG HIJAU — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Suom Huat, No. 28, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT :**

1. FISH CURRY POWDER (Chap Rusa 340g.) — $1.55 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
2. SAYOR KINCHAM — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hwa Mee, Bangunan Foo Chow, Jalan Bunga Rambai.

**SERIA :**

1. FISH CURRY POWDER (Chap Rusa 340g.) — $1.55 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Choo Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.



Sa-ramai 84 orang pemohon2 kerja dari seluroh negeri kini sedang mengikuti kursus sivik bimbingan tenaga yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Buroh. Kursus sa-lama empat hari itu di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Gambar atas menunjokkan beberapa orang peserta ketika mendaftarkan nama untok mengikuti kursus tersebut pada hari Ahad lalu.



Para hadhirin yang hadhir di-Mashuarat Agong PERKASA baru2 ini yang telah di-rasmikan oleh Ketua Kampong, Awang Haji Masri bin Raub (bawah).



## Ahli2 J-Kuasa baru PERKASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Saba— PERKASA — telah mengadakan mashuarat agong-nya pada 16hb April yang bertempat di-Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba. Mashuarat tersebut telah di-rasmikan oleh Ketua Kampong Saba Laut, Awang Haji Masri bin Raub.

Dalam mashuarat tersebut, enam orang ahli jawatankuasa tertinggi telah di-lantek untok berkhidmat dalam tempoh 1978/79. Mereka yang di-lantek ia-lah Awang Haji Abdul Latif bin Mohammad sa-bagai Penasehat; Awang Chuchu bin Jaafar — Pengerusi Tetap; Awang Damit bin Haji Bolaji — Yang Dipertua; Awang Tahir bin Haji Ahmad—Naib Yang Dipertua; Awang Abdul Jalil bin Haji Bakar — Setia Usaha Agong dan Awang Sarbini bin Haji Ibrahim—Bendahari Agong.

## Perkhemahan pasokan kadet

JERUDONG. — Sa-ramai 228 orang kadet Pulis Diraja Brunei dari lapan buah pasokan kadet di-Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong telah mengambil bahagian dalam perkhemahan biasa di-Jerudong pada minggu lalu. Perkhemahan sa-lama sa-minggu itu telah berakhir pada hari Jumaat 21hb April.

Perkhemahan tersebut ada-lah salah satu kegiatan pasokan kadet sa-masa chuti persekolahan. Sa-masa perkhemahan itu, kadet2 lelaki dan perempuan telah di-ajar mendirikan khemah, membiasakan diri dengan kawasan hutan, menyediakan makanan mereka sendiri dan berbagai jenis latehan.

Pesurohjaya Pulis Diraja, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Abdul Razak bin Haji Mohammad telah melawat perkhemahan itu pada hari Khamis 20hb April.

Turut melawat ka-perkhemahan pada hari itu ia-lah beberapa orang pegawai kanan dari Ibu Pejabat Pulis dan Jabatan Pelajaran.

## Peserta2 AMDB chipta rekod baru di-H.K.

BERAKAS.—Peserta2 dari Askar Melayu Diraja Brunei telah mendapat kejayaan dalam temasha sokan angkatan tentera British di-Hong Kong yang telah di-adakan awal bulan ini.

Dari sembilan achara yang mereka tandingi, mereka memenangi enam tempat pertama—termasok tiga rekod baru — dan dua tempat kedua. Rekod baru yang di-chipta ia-lah lumba lari 100 dan 200 meter yang di-chipta oleh L/Kpl Kadri dan Lompat Kijang yang di-chipta oleh Kpl Ali Akbar.

Lain2 peserta yang mendapat tempat pertama ia-lah Private Ghani dalam lumba lari 800 meter; Kpl Kula dalam achara lompat Tinggi dan Kpl Ali Akbar dalam achara lompat jauh. Private Ghani dan Sgt Jumat masing2 mendapat tempat kedua dalam achara lumba 800 meter dan lempar lembing.

Rombongan yang mengandongi 11 orang itu telah di-ketua oleh Pegawai Sokan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Major C. A. Downward dan Jurulateh Pegawai Warant I Norshah bin Haji Abdullah.

Temasha sokan itu di-anjorkan pada tiap2 tahun dan di-hadhiri oleh anggota2 tentera yang di-tempatkan di-Hong Kong.

Brunei telah mengambil bahagian dalam temasha itu atas jemputan Tentera British di-Hong Kong. Ini ada-lah kali kedua Brunei mengambil bahagian dalam temasha tersebut.



L/Kpl Kadri yang menchipta dua rekod baru di-temasha itu.

## Jadual pertandingan2 nyanyian

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan akan menganjorkan peraduan nyanyian, tarian, taridra, permainan pancharagam dan lawak jenaka di-seluroh negeri.

Peraduan nyanyian dan persembahan bintang mutika di-Daerah Temburong akan di-adakan pada hari Khamis esok, 27hb April.

Peraduan2 tarian, lawak jenaka dan nyanyian bagi Daerah Tutong akan di-adakan pada 13hb Mei dan di-Daerah Belait pada 20hb Mei.

Bagi kawasan Bandar Seri Begawan peraduan2 nyanyian dan taridra akan di-adakan pada 27hb Mei depan. Peraduan2 pancharagam dan lawak jenaka perengkat negeri akan di-adakan pada 3hb Jun sementara peraduan nyanyian dan taridra perengkat negeri akan di-langsongkan pada 17hb Jun. Bagi peringatan kapada peserta2 nyanyian di-Daerah Temburong di-minta hadhir di-dewan Ria Pekan Bangar, esok, 27hb April.

## Kursus Pertolongan Chemas

KUALA BELAIT. — Satu kursus pertolongan chemas anjoran Persatuan Palang Merah, Daerah Belait, akan di-adakan di-sini mulai pada 7hb Mei depan.

Kursus yang akan di-adakan sa-banyak 12 kali ia-itu pada tiap2 hari Ahad mulai jam 8.00 hingga 10.00 pagi itu akan di-hadhiri oleh sa-ramai 25 orang terdiri dari kakitangan Pejabat2 Kerajaan di-Daerah Belait. Borang penyertaan kursus itu sedang di-edarkan kapada pejabat2 berkenaan yang di-kehendaki akan menghantar sa-ramai 2 orang tiap2 pejabat. Kursus tersebut merupakan perengkat pertama.

Menurut sa-orang juruchakap Palang Merah Daerah Belait, kursus yang sama juga akan di-anjorkan untok orang ramai di-Daerah Belait sahaja. Perengkat kedua kursus ini akan di-anjorkan untok pemandu2 kereta.

Pehak Pulis akan memberikan kerjasama dalam kursus itu dengan menyampaikan cheramah berhubong dengan Undang2 Lalu-Lintas Jalanraya.

Pehak berkuasa Bomba pula akan menyampaikan cheramah-nya berhubong dengan chara menggunakan alat2 pemadam api, memberikan pertolongan kebakaran ka-atas sa-buah kereta dan seumpama-nya di-samping akan membawa peserta2 kursus melawat Balai Bomba.

## Kursus Penyelia'an dan Pengurusan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 20 orang Penolong Pentadbir, Kerani2 Tingkatan Satu, Penyelia2, Penyelenggara2 Setor Tingkatan Satu dan Penolon2 Kanan Teknikal daripada 17 buah jabatan akan menyertai kursus mengenai prinsip2 dan amalan2 penyeliaan dan pengurusan.

Kursus sa-lama enam hari itu di-anjorkan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan dan akan di-adakan di-Pusat Latehan di-Jalan Kumbang Pasang.

Ketua Yunit Peranchang, Kajian dan Bimbingan Jabatan Pelajaran, Timbalan Pengarah Muzium dan Ketua Yunit Latehan Jabatan Perjawatan akan memberikan cheramah sa-masa kursus tersebut.



Peserta2 yang berjaya bersama jurulateh mereka W.O.I Norshah bin Haji Abdullah (tengah).



THE Director of Welfare, Youth and Sports Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Hj Hussain on Saturday handed over the keys of a government class "E" house at Jalan Tasek to Awang Iring bin Abdul Latif whose house at Kampong Salambigar in Jalan Muara was completely destroyed by fire twelve days ago.

Awang Iring, a taxi driver, and his family whose total loss in the fire was estimated at around one hundred thousand dollars have been given permission by the Government to occupy the house.

Our picture above shows Pehin Dato Hussain (right) talking to Awang Iring and his family.

## NEW OFFICE FOR BSYC

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei State Youth Council has now its own administrative office at the Youth Centre here.

The office consists of a conference room and two administration rooms.

The keys for the office were handed over to the President of the Council, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif by the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz at a brief ceremony held at the Youth Centre.

Present at the ceremony was, among others, the Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

The council also donated a sum of five hundred dollars which was raised at a recent premiere film show to the Brunei National Welfare Fund.

## RBMR athletes set records in Hongkong

BERAKAS. — A team of eleven Royal Brunei Malay Regiment athletes who returned home last week did very well in the British Forces Athletic meets with two of them setting three new records.

Lance Corporal Kadri set new records in the one hundred and two hundred meters sprints while Private Aliakbar broke the record in the triple jump event.

The Brunei team entered a total of nine events emerging winners in six and runners-up in two others.

## Police visit Singapore counterparts

BANDAR SERI BEGAWAN. — Thirty-nine members of the Royal Brunei Police led by Commissioner, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, made a three-day goodwill visit to Singapore last week as guests of their Singapore counterparts.

The visit was aimed at strengthening the friendly relations between the two police forces as well as returning the one made last year by the Singapore police.

During their stay in the republic, the Brunei police played friendly golf, hockey, football, sepak takraw and volleyball matches with their hosts.

## Management course

BANDAR SERI BEGAWAN. — About twenty assistant administrators, senior clerks, supervisors, store keepers and senior technical assistants from various government departments will attend a six-day management course starting this Saturday.

During the course which is being organised by the training unit of the Establishment Department the participants will learn the principles and practice of supervision and management.

The Head of the Guidance, Research and Planning Unit of the Education Department, the Deputy Director of Museum and the Head of the Training Unit of the Establishment Department will give talks.

## RTB organises singing contest for young citizens

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio and Television Brunei is organising a singing competition aimed at scouting for local talent for its future programmes and for forming various choir groups in the State.

The competition is open to young Brunei citizens aged between seven and twelve.

The songs may be in Malay, English, Arabic, Chinese or Iban and the lyrics may be based on education, religious, pets, road safety, parental care, the development of Brunei or social developments in the State.

Auditions will be held here as well as in Tutong and Kuala Belait on dates to be announced later.

Entry forms are available from Harian Radio representatives in each district or from the Malay Section of Radio and Television here.

The forms must be returned before the end of the month.

## Goodwill visit to Temburong

BANGAR. — A fleet of Royal Brunei Malay Regiment patrol boats with seventy officers and men on board went on a tour of the Temburong District last weekend.

Led by the Liaison Officer, Captain Ismail bin Hj Serbini, the fleet consisted of four marine patrol boats, one riverine patrol boat and a landing craft.

This was the first time the First Flotilla made such goodwill visit to the district.

During their stay, the visitors played several friendly games with residents in the district.

Schoolchildren and the public were given the opportunity to visit the boats on Saturday and Sunday.

## Koran Reading competition

KUALA BELAIT. — The finals of the Koran reading and oratory competitions among schools in the Belait District will be held at the Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah Religious School in Seria on April 30.

The winners will represent the district at the State level competitions to be held soon.

## Volleyball tourney

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Fire Bridge Association is organising the third annual volleyball tournament to mark the birth of a prince to His Highness the Sultan and Her Highness the Raja Isteri.

The tournament is open to government departments, youth associations, clubs, colleges, schools, firms and sports organisations throughout the State.

Entry forms are obtainable from all fire stations in the country and must be returned before April 30.



The Assistant Tutong District Officer, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim, presenting a sum of over five hundred dollars donated by several government departments in the district to another fire victim, Awang Abdul Salam bin Abdullah whose house at Kampong Sengkarai was gutted by fire a month ago.

Looking on is Awang Yaakub bin Haji Sidek.

## District Officer opens camp

GADONG. — The Brunei Muara District Officer, Awang Salleh bin Haji Hidup, has called on scouts to be loyal to Allah, their ruler and their parents and to always be willing to help others.

The District Officer was speaking before he declared open a three-day camp at the Scout Headquarters here last week.

The camp, organised by the Brunei Muara District Scout Association, was attended by over three hundred scouts representing troops throughout the State.

Included in the day's programme was the presentation of a Woodbadge to the SOAS College Scout Troop leader, Awg Ismail bin Apit and a souvenir to the District Officer.

## Fenced open storage at Muara Port

MUARA. — A newly paved open storage area called Area D with three fenced and locked sections at the eastern end of it has been brought into use at the Muara Port.

A Ports Department release said one section is being used for storing cargo subject to easy pilfering such as tins of paint and pieces of vehicle tyres.

There is space for other types of cargo which may be small, attractive and prone to pilfering.

The release said importers of such cargo or their handling agents may arrange with the Customs Officer on duty for their cargo to be stored in the fenced area.

The fenced gate will be locked when cargo is not handled in the Port area and the key will be kept by the Customs Officer.




# KETA'ATAN ISTERI MEMBANTU KERUKUNAN RUMAH TANGGA

**PERIHAL kewajipan2 suami telah pun pernah di-perkatakan di-samping mengetahui batas2 kewajipan kita sa-bagai suami, amat mustahak pula kita sebutkan beberapa kewajipan isteri, kerana dengan demikian dapat-lah kita sama2 mengetahui-nya sa-bagai asas memperbaiki pergaulan dan menegakkan kerukunan rumah-tangga.**

Ada-lah tidak betul masing2 pehak, suami dan isteri itu tidak perlu mengetahui kewajipan masing2, bahkan di-samping mengenali kewajipan diri sendiri, juga ada-lah satu sumbangan yang amat berfaedah jika kita juga mengetahui batas2 serta jenis2 yang menjadi tanggong-jawab orang yang menjadi teman hidup kita itu. Tegas-nya kedua2 belah pehak hendak-lah timbal balek dalam mengenali diri dan kewajipan masing2. Si-suami di-kehendaki tahu dan faham kewajipan2 isteri-nya di-samping kewajipan2-nya sendiri. Dan begitu-lah pula sa-balek-nya, baharu-lah persafahaman itu boleh di-harapkan.

Di-antara kewajipan2 isteri itu, yang besar-nya ia-lah :

Pertama—Ta'at. Allah s.w.t. telah mewajibkan supaya tiap2 isteri itu menta'ati suami-nya. Kerana hak keta'atan yang di-ator oleh ugama Islam dengan sedemikian rupa itu, ia-lah bagi memberi peluang yang luas kapada suami2 untok mentadbir susunan rumah-tangga mereka dengan lebeh sempurna, dengan segala kemampuan dan kebijaksanaan-nya. Keta'atan isteri kapada suami ada-lah bahagian dari salah satu perentah ugama. Jika di-langgar perintah ini bermaana si-isteri telah melanggar hukom ugama, yang amat burok ganjaran-nya di-alam akhirat.

Chuba kita perhatikan hadith2 nabi yang di-petik dari sahih2 Muslim dan Bukhari dalam Bab امتناع المراءة مـن فـراش زوجها, yang maksud-nya kira2: "**Demi Allah yang jiwa ku di-tangan-Nya, mana2 lelaki yang mengajak isteri-nya ketempat tidor sedangkan isteri itu enggan menyahut-nya, maka Allah memurkai-nya sa-hingga-lah suami-nya redha kapada-nya.**" Dalam riwayat yang lain pula bermaksud : "**Bila sa-orang perempuan bermalam berasingan dengan suami-nya neschaya ia di-kutok oleh Malaikat sa-hingga-lah ia kembali.**" Dan lebeh hebat Rasulullah s.a.w. telah bersabda lagi yang maksud-nya: "**Sa-kira-nya aku boleh memerintahkan manusia sujud kapada sa-sama manusia, nechaya aku perintahkan kaum perempuan itu sujud kapada suami2 mereka, kerana memandangkan hak2 suami yang di-anugerahkan Allah kapada mereka terhadap isteri2 mereka.**"

Tetapi sunggoh pun begitu, ta'at di-sini ia-lah ta'at yang tidak berbentok maksiat atau perkara2 yang berlawanan dengan ajaran2 ugama, saperti tidak wajib ta'at jika di-paksa berjudi meminum arak atau menari dengan laki2 lain dan yang sa-umpama-nya. Ada pun rupa2 ta'at yang sedemikian itu, tidak-lah termasok perkara yang di-tuntut daripada isteri2 mematohi-nya.

Kewajipan yang kedua isteri terhadap suami-nya, ia-lah menjaga kehormatan suami, samada dalam masa bersama2 mau pun waktu ketiadaan-Nya. Menjaga kehormatan itu erti-nya tidak melakukan pengkhianatan atau membuat perkara2 yang menyinggong perasaan suami. Khianat ada-lah sabesar2 gejala yang menyebabkan purak-peranda dan berlaku-nya keruntohan rumah-tangga. Kesalahan2 lain mungkin dapat di-maafkan oleh suami dan boleh di-lupakan, tetapi kesalahan kerana berkhianat biasa-nya menghanchorkan terus hubongan suami-isteri itu, dan membinasakan sama sekali rasa muhibbah buat sa-lama2-nya. Tidak shak lagi, khianat ada-lah ibarat sa-biji bom yang tertanam di-dasar rumah-tangga yang boleh meletup bila2 masa sahaja. Kerana itu-lah, Allah s.w.t. ketika menyebut sifat2 yang baik para isteri itu, di-sebut juga sifat kehormatan suami dalam masa ketiadaan-nya. Firman-Nya yang bermaksud kira2: "**Perempuan2 yang baik ia-lah perempuan2 yang patoh dan menjaga diri-nya di-belakang suami2 mereka, sa-bagaimana yang di-suroh jaga oleh Allah.**"

Yang ketiga di-antara kewajipan2 isteri lagi, ia-lah bergaul dengan baik serta berusaha membalas kebaikan suami dengan kebaikan pula. Kebaikan suami ia-lah melaksanakan tanggong-jawab-nya yang amat berat, ia-itu tanggong-jawab nafkah serta mentadbir rumah-tangga dengan penoh azam dan kesabaran. Maka atas asas ini, isteri mesti-lah membalas kebaikan itu dengan kebaikan juga, ia-itu yang terutama hendak-lah mengawal adab pergaulan dengan suami, sentiasa memelihara perasaan-nya, berlemah-lembut, dan pendek-nya halus segala tingkah laku. Para isteri harus ingat, bahawa pergaulan yang baik yang di-chipta dan di-bawai oleh isteri itu boleh menambahkan kechergasan dan bakat suami, sa-balek-nya perangai yang kasar, baik dalam perchakapan atau perbuatan serta muka yang sentiasa masam, akan menumpaskan kechergasan serta bakat tersebut.

Suatu perangai yang burok yang tidak patut di-bawa kadalam pergaulan suami-isteri ia-lah tabi'at sa-tengah isteri yang suka mendesak dan memaksa sesuatu yang tidak mampu di-lakukan oleh suami-nya, atau suka mengungkit2 apa2 yang telah di-belanjakan oleh-nya. Perangai yang sa-umpama ini hendak-lah di-jauhi, dan para suami perlu sekali menerangkan perangai yang burok ini agar jangan sekali2 di-lakukan oleh para isteri, kerana padah-nya amat burok kapada isteri yang berkelakuan sedemikian.

Sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. ada menerangkan yang kira2 maksud-nya : "**Jika di-himpunkan emas dan perak di-muka bumi ini di-bawa oleh perempuan ka-rumah suami-nya, kemudian di-suatu hari si-isteri memukol suami-nya itu sambil berkata : "Siapakah kamu ini? Semua harta ini ada-lah harta ku." Maka segala amal ibadat-nya menjadi sia2 belaka sekali-pun ia-itu ahli ibadat, kechuali ia bertaubat, menyesal dan meminta maaf kapada suami-nya.**"

Begitu-lah, ugama Islam mengikut hubongan suami-isteri itu dengan panduan2 yang berkebajikan, halus dan chukop indah, yang jika di-patohi pasti tidak akan ada peluang untok sa-buah rumah-tangga itu runtoh atau purak-peranda.



# Raikan saudara baru

SATU majlis bagi meraikan saudara2 baru Islam yang memelok ugama Islam baru2 ini ia-itu Awg Mohd Hashim bin Abdullah dan keluarga-nya saramai 8 orang, telah berlangsong pada Jumaat minggu lalu, di-rumah mereka di-Kampong Amo 'A', Daerah Temburong.

Majlis yang bermula jam 2.00 petang itu telah di-mulai dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awg Alikhan bin Ismail, Imam Masjid Utama Mohammad Salleh. Antara yang hadhir di-majlis itu ia-lah Pmk Pegawai Daerah Temburong Awg Abdul Aziz bin Mohammad, Awg Hj Abu Bakar bin Hj Tengah, Pegawai Ugama Kanan selaku wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang mana mereka ini telah juga menyampaikan uchapan2. Dato Paduka Hj Ishak bin Adam, Kadzi Daerah Temburong selaku Pengerusi juga turut menyampaikan uchapan di-samping memberikan uchapan wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu juga telah menyampaikan hadiah2 kapada keluarga yang di-raikan itu.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Yang Berhormat Pehin Datu Laila Raja Hj Abu Bakar bin Baha, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan pendudok2 kampong sekitar-nya.

Dalam uchapan keshukoran dan terima kaseh-nya atas penghargaan yang telah di-berikan Awg Mohd Hashim telah juga berseru kapada saudara2 baru yang lain agar tidak ragu2 pada menerima chahaya ke-Islaman yang bakal menerangi hidup itu dan mengamalkan-nya dengan jujor dan ikhlas sa-mata2 kerana Allah s.w.t. Di-samping itu, pada mereka yang belum memelok ugama Islam, Awg Mohd Hashim berpendapat mereka itu bukan-nya tidak mahu memelok ugama Islam, tetapi mereka itu belum memahami dengan sabenar2-nya.

Majlis petang itu di-akhiri dengan Majlis Berzikir dan bachaan do'a oleh Yang Di-muliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Hj Abd Rahim bin Akim.



**Kedua2 gambar yang tertara menunjokkan Awang Mohd. Hashim sedang menerima chenderamata dari Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah (kiri) dan para hadhirin yang hadhir di-majlis tersebut (atas). Gambar JHEU.**

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26hb April, 1978 hingga ka-hari Selasa 2hb Mei, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 27hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 28hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 29hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 30hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 1hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 2hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# PEMBEKAL TENAGA PENGAJAR YANG KIAN BERTAMBAH




PERKEMBANGAN pusat pendidekan di-negeri kita ini yang merupakan sa-bagai satu sumber pembekal tenaga pengajar tempatan yang tidak asing lagi dari sa-tahun ka-setahun telah menampakkan dengan jelas akan usaha yang tidak kendur2-nya yang telah di-laksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi dua jabatan Kerajaan.

Membekalkan tenaga pengajar yang berkelulusan dari dalam negeri ini sendiri ada-lah merupakan satu2-nya usaha yang positif oleh Kerajaan kita, kerana dengan-nya menunjokkan bahawa Kerajaan dan negara telah benar2 berkemampuan pada mengusahakan apa jua kehendak dan keperluan yang hasratkan oleh masharakat dan negara dalam menuju bersama arus pembangunan dan perkembangan dunia yang kian maju.

Demikian-lah kita harapkan dengan ujud-nya sumber tenaga pendidek yang terlateh dan terpimpin dari anak tempatan ini aspirasi mendidek anak bangsa ka-arah kemajuan dan perkembangan yang sehat akan terlaksana kerana ka-mana kuah akan tumpah kalau tidak ka-nasi! dan ka-mana lagi kita hendak bertedoh jika bukan di-dahan yang rimbun!

Bagaimanapun dalam ruangan yang sengkat ini PELAJAR HARI INI DAN ESOK hanya berkesempatan untok menyingkap serba sedikit akan perkembangan yang di-berikan oleh maktab perguruan umom ia-itu Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong yang pada asas-nya lahir dari Maktab Perguruan Melayu Brunei yang bertempat di-Berakas.

Kalau dulu kehendak2 melateh bakal2 guru di-negeri ini chuma di-hajatkan untok mengajar murid2 di-sekolah2 rendah, maka kini kehendak2 demikian telah berubah di-mana bakal2 guru yang di-lateh di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah ada-lah di-hasratkan untok mengajar di-perengkat menengah dan rendah dan di-dua aliran.

Memang juga tidak dapat di-sangkal, perkembangan yang lalu itu hanya berkemampuan untok di-hasratkan sa-bagai pembekal tenaga pengajar di-sekolah2 rendah sahaja jika kita dasarkan kebenaran-nya kapada berapa faktor yang terhad juga.

Sa-bagai chontoh, perkembangan pelajaran yang ujud sa-belum tahun 1970an ia-itu sa-belum tahun 1966 yang merupakan tahun pertanda lahir-nya sekolah2 menengah dengan biak-nya di-negeri ini terutama sekolah2 menengah aliran Melayu, kebanyakan sekolah yang ada ia-lah sekolah2 rendah dan beberapa buah menengah bawah kerana itu chalun2 yang di-ambil untok mengikuti kursus perguruan sa-lama tiga tahun di-maktab berkenaan hanya mempunyai kelulusan sa-takat tidak lebeh dari tingkatan dua sahaja. Ini memang sesuai memandangkan had atau tingkat darjah yang bakal di-ajar oleh lepasan guru2 berkenaan hanya-lah darjah2 sekolah rendah dan menengah bawah (sa-takat tingkatan II) sahaja.

Tetapi sa-telah ujud-nya Sekolah Menengah Melayu Pertama keperluan untok mendapatkan tenaga pengajar di-perengkat menengah sudah ada, namun apa yang di-perolehi oleh sekolah menengah yang sulong mengadakan kelas tingkatan tiga itu ketika itu hanya-lah guru2 yang perlu mengajar di-tingkatan2 menengah bawah yang sa-bahagian-nya lepasan maktab perguruan luar negeri sedangkan keperluan yang di-hajati ia-lah guru2 yang sa-patut-nya berkelulusan lebeh tinggi dari itu kerana penuntut yang di-ajar ia-lah mereka yang sedang menghadapi pelajaran untok pepereksaan SRP.

Sesuai dengan perkembangan persekolahan dan pendidekan yang baru ujud ketika itu memang-lah guru2 demikian sangat2 di-perlukan, bak kata pepatah, tidak ada rotan — akar pun berguna juga. Tetapi dapat-kah masharakat dan negara kita untok bertahan dengan keadaan dan suasana zaman itu untok terus hidup dalam arus perkembangan yang sekian hari dan masa sentiasa berkembang? Apa-kah masharakat kita tidak ingin ka-arah perkembangan yang menyeluroh dalam hasrat membentok masharakat dan negara ka-arah kemajuan?

Hal ini tidak dapat di-nafikan. Sa-wajar-nya perubahan dari sa-tingkat ka-setingkat dalam apa jua bidang perlu-lah di-laksanakan, kerana itu perkembangan dalam bidang pelajaran dan pendidekan yang ujud dan terus berkembang itu perlu-lah juga berkehendakkan perubahan chorak bilamana keperluan untok memenohi keupayaan yang sejajar bagi anak bangsa yang ingin kapada tingkat pelajaran yang lebeh tinggi perlu di-penohi.

Ada-lah kurang menasabah kalau perkembangan pelajaran dan pendidekan negeri kita dalam satu dekad yang lalu itu dan sentiasa maju ka-hari ini hanya akan sentiasa di-isi dan di-penohi dengan keupayaan yang di-bawah darjah kemampuan yang di-kehendaki, kerana itu untok memenohi kehendak2 yang semakin meningkat itu, peningkatan ka-atas darjah keupayaan yang sejajar dan seimbang perlu di-gerakkan.

Justeru penyelarasan demikian yang sa-memang-nya tidak dapat di-bendong lagi itu ada-lah merupakan suatu keupayaan dan perkembangan yang tidak bertimbang-tawar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memenohi keinginan dan kemajuan yang di-kehendaki oleh masharakat dan jenerasi kita.

Perkara ini tidak dapat di-lengahkan, jika kita perhatikan ka-arah pertambahan yang sekian meningkat di-dalam jumlah pendaftaran murid2 baru di-sekolah2 rendah dan jumlah penuntut2 baru di-sekolah2 menengah di-seluroh negeri pada sa-tiap tahun kebelakangan ini.

Untok memenohi keperluan ini-lah Maktab Perguruan Melayu Brunei yang hanya pada mula-nya mengambil guru2 pelateh Melayu untok mengikuti kursus perguruan sa-lama tiga tahun ketika itu memulakan pengambilan penuntut2-nya yang datang dari aliran Inggeris yang berkelulusan tingkatan tiga atau LCE, dan sejak dari saat itu pengambilan yang berterusan bagi lulusan2 tingkatan lima atau FMC/MCE di-majukan.

Beraleh dari Maktab Perguruan Melayu Brunei, perkembangan yang bertambah maju di-bidang pendidekan di-mana maktab berkenaan telah di-ubah menjadi Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah sempena mengambil sukut nama Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang juga ketika itu telah membuka rasmi maktab berkenaan dalam Januari 1972.

Bermula dari titek perubahan dan pemindahan maktab itu dari Berakas ka-Gadong, peranan yang di-mainkan-nya dalam membekalkan tenaga2 pengajar tempatan sa-bagai memenohi keperluan2 yang bertambah di-semua perengkat ada-lah sejajar.

Mengikut penerangan dari uchapan yang di-sampaikan oleh Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-hari konvokeshen yang baru lalu, di-mana maktab tersebut telah memulakan pengajian-nya dalam tahun 1971 dengan mempunyai sa-ramai 69 orang penuntut yang berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran dan sa-ramai 44 orang penuntut yang berkelulusan tingkatan lima termasok delapan orang dari aliran Melayu yang kesemua-nya di-hasratkan untok mengajar di-sekolah2 menengah bawah dan sekolah2 rendah.

Kemudian pada tahun 1972 pengambilan penuntut2 yang lulus SRP telah di-berhentikan dan pada tahun 1975 penuntut2 yang di-terima masok untok mengikuti pengajian telah di-pinda dengan sa-kurang2-nya mereka bukan sahaja lulus tingkatan lima malah mereka mesti lulus dalam empat mata pelajaran di-perengkat biasa ('O' level) dalam pepereksaan seberang laut.

Menurut keterangan dari uchapan pengetua maktab itu lagi kursus2 yang di-berikan di-maktab itu telah di-baiki dan di-selaraskan mengikut dasar pelajaran yang di-kehendaki, dengan itu mulai tahun 1975 maktab itu telah memulakan kursus yang tertentu saperti kursus untok guru2 sekolah rendah Melayu, kursus untok guru2 sekolah persediaan Inggeris, kursus untok guru2 sekolah menengah bawah aliran Inggeris atau Melayu dan kursus untok guru2 mengajar bahasa Melayu.

BERSAMBONG

## Kerja memuchang-muchang

TANAH JAMBU. — Satu kerja memuchang2 membena bangunan tambahan Sekolah Ugama di-sini telah di-adakan pada pagi Jumaat yang baru lalu yang berharga kira2 $2,500.00. Sekolah tambahan baru itu akan mempunyai tiga buah bilek darjah dengan menampong kira2 60 orang murid.

Ada-lah di-harapkan dengan penambahan itu ia-nya akan dapat memberi peluang mengikuti kelas ugama bagi murid2 sekolah persediaan Inggeris di-sini di-sa-belah pagi.

Kira2 50 orang pendudok kampong telah menyertai kerja membena bangunan sekolah berkenaan yang mana alat2 kelengkapan-nya akan di-sediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 1hb. hingga 6hb. Mei, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 1.5.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 1.5.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 | „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 2.5.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 2.5.1978 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 3.5.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 | „ |
| Sekolah Melayu Serasa | 3.5.1978 | Rabu | 10.00–10.30 | „ |
| Sekolah Melayu Mentiri | 3.5.1978 | Rabu | 10.45–11.15 | „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 3.5.1978 | Rabu | 11.30–12.00 | T/hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 4.5.1978 | Khamis | 3.15– 4.15 | petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Mesjid Lama, Muara | 4.5.1978 | Khamis | 4.30– 5.30 | „ |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 6.5.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 | „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 6.5.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 | „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 6.5.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 | „ |



# KURSUS JURULATEH PEMIMPIN PENGAKAP

KURSUS Jurulateh Pemimpin Pengakap telah berakhir pada hari Sabtu minggu lalu dan telah di-rasmikan penutopan-nya oleh Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad bin Haji Jumat.

Kursus yang julong2 kali-nya di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan itu telah di-kelolakan oleh Persekutuan Pengakap Negeri Brunei.

Kursus tersebut telah di-adakan sa-lama enam hari bertempat di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain telah merasmikan kursus tersebut (gambar kiri).

Sa-bagai kenang2an bersempena dengan pembukaan rasmi kursus tersebut, sa-buah chenderamata dari Persekutuan Pengakap Negeri Brunei telah di-hadiahkan kapada Yang Berhormat Pehin (gambar kiri

Tiga orang pemimpin dari Ibu Pejabat Pengakap Asia Pacifik yang berpejabat dan orang jurulateh tempat memberikan cheramah sa-ma tersebut. Sa-ramai 32 orang pin pengakap termasok d dari Sabah telah menyert tersebut (bawah tengah). paling bawah kiri menunojk ta2 bergambar ramai sa-t chara pembukaan rasmi.















# Perkhemahan pengakap Daerah Brunei dan Muara

'ERKHEMAHAN Pengaap Daerah Brunei dan Auara telah di-adakan diawasan perkhemahan pegakap di-Jalan Gadong ada minggu lalu. Perkhenahan sa-lama tiga hari u telah di-sertai oleh kira2 00 orang pengakap dan nak Serigala.

Pegawai Daerah Brunei an Muara, Awang Salleh in Haji Hidup telah measmikan perkhemahan taunan itu.

Dalam uchapan-nya ketia merasmikan perkhemaan tersebut, Awang Mohd alleh menyeru pengakap2 upaya ta'at kapada surohn Allah s.w.t. dan kapada ebawah DYMM Paduka eri Baginda Sultan dan 'ang Dipertuan Negeri runei dan juga pada para ubapa dan orang2 tua.

Di-upachara pembukaan smi itu, penyampaian nchana Wood Badge kaada Ketua pasokan Pegakap Maktab SOAS, wang Ismail bin Apit teh di-langsongkan (gambar as). Lain2 gambar meunjokkan ketika perkheahan tersebut.









SIARAN BAHAGIAN MELAYU RADIO BRUNEI DI-PANCHARKAN MELALUI GELOMBANG2 SEDERHANA 517, 335 DAN 447 METER, SERTA GELOMBANG PENDEK 61 METER. SIARAN INI JUGA BOLEH DI-IKUTI MELALUI PERKHIDMATAN FM STEREO 92.3 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH BRUNEI/MUARA DAN TEMBURONG SERTA 93.8 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH2 TUTONG, SERIA DAN KUALA BELAIT.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya: 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



**PESERTA** yang akan di-beri peluang untok memileh lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini ia-lah Awang M.D. Jaluddin, No. 13 Kampong Pengiran Kerma Indera Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Lagu2 pilehan Awang Jaluddin akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 28hb April, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya akan dapat di ikuti pada hari Sabtu 29hb April, 1978 jam 9.30 pagi.

## JUMAAT

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI:** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## Pesta Ria di-Sekolah Melayu Pangkalan Batu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Melayu Radio Brunei akan mengadakan Pesta Ria bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pangkalan Batu pada 29hb April, 1978 mulai jam 7.30 malam.

Pesta pada malam itu akan di-penohi dengan persembahan2 nyanyian dari penyanyi2 tempatan, lawak jenaka, terima-lah sampul suratku dan sa-jenak bersama awda. Di-samping itu beberapa buah tarian asli dan moden juga akan di-persembahkan pada malam itu.

Orang ramai khas-nya pendudok2 di-sekitar Kampong Pangkalan Batu ada-lah di-persilakan hadhir ka-dewan Sekolah Melayu Pangkalan Batu untok menyaksikan persembahan pada malam itu.

## Pertandingan Nyanyian Amatur Asia Bahagian Rantau

RADIO Talivishen Brunei telah mula menyiarkan rakaman Pertandingan Nyanyian Amatur Asia Perengkat Aknir Bahagian Rantau. Rakaman pertama ia-itu dari Seoul telah di-siarkan pada hari Sabtu lalu. Pada hari Sabtu minggu ini Awda akan dapat mengikuti rakaman dari Tokyo.

Rakaman pertandingan dari Hong Kong, Thailand, Taiwan dan Australia akan dapat di-ikuti pada hari2 Sabtu berikut-nya.

Brunei akan di-wakili oleh dua orang penyanyi ka-pertandingan akhir di-Hong Kong dalam bulan depan. Mereka ia-lah Dayang Rosni binte Haji Samli dan Awang Abu Bakar bin Haji Paun. Kedua2 mereka ini ia-lah johan dan naib-johan MUTIKA 1978 yang telah di-adakan dalam bulan Mach yang lalu. Ini ada-lah kali kedua Brunei menghantar wakil-nya ka-pertandingan tersebut.

# DAN tv BRUNEI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 26HB. APRIL,

PETANG :

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ENCYCLOPAEDIA BRITANNICA "Killer Instinct — Man dan Beast"
6.28 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — "Little Runner"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 AVENTURES OF MUHAMMAD ALI — sambongan

MALAM :

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 VAN DER VALK — "The Professor"
Dengan Barry Foster sa-bagai Van Der Valk, sa-orang detektif Belanda.
8.00 DOCTOR AT LARGE — "Devon is Lovely This Time of Year". Michael sedang berchinta dan mula berangan2 untok membuka kelinik di-luar bandar dan sa-buah rumah kechil di-Devon, tetapi saperti biasa segala2-nya tidak berjalan dengan lichin-nya bagi Dr. Upton.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJLIS PERBINCHANGAN
9.15 CELEBRITY CONCERT — "Johnny Mathis"
10.05 PERLAWANAN GUSTI DARI DEWAN RAYA.

11.15 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 27HB. APRIL,

PETANG :

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SPENCER'S PILOTS — "The Drone"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SPENCER'S PILOTS — sambongan

MALAM :

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE OREGON TRAIL — "Gold Dust".
8.00 PLAIN SAILING — "Basic Seamanship" — Bahagian kedua.
Kemahiran2 yang di-perlukan sa-belum sa-seorang itu dapat menjadi juragan bot-nya sendiri.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HIDAYAT
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU : "RUMAH ITU DUNIA AKU"
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 28HB. APRIL,

PETANG :

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Buku2"
5.30 HERE'S MUMFIE — "Natty Socks' Socks"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SKIPPY THE BUSH KANGAROO — "View Matt"

MALAM :

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 HELEN REDDY MIDNIGHT SPECIAL
8.00 ARE YOU BEING SERVED — "A Charge is as Good as a Rest"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 SURVIVAL SPECIAL "The Last Great First"
Dokumentari ini memperlihatkan satu pengembaran ka-"Everest" Sungai2 — Sungai Blue Nile yang mengalir dari kawasan pergunongan Ethiopia dan panjang-nya 500 batu hingga ka-sempadan Sudan.
10.00 MYSTERY MOVIE : McCloud "Moscow Connection"

11.30 SIARAN TAMAT.



Gareth Hunt berlakun sa-bagai Mike Gambit dalam siri New Avengers.

## SABTU — 29HB. APRIL,

PETANG :

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SESAME STREET — sambongan

MALAM :

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE NEW AVENGERS — "Emily" — Siri yang terakhir bagi episode ini.
8.00 DISCO '77
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 AMATEUR ASIAN SONG CONTEST — Pertandingan akhir.
9.15 BOLA SEPAK
10.05 TAYANGAN MALAM SABTU : "The Spy With The Cold Nose"
Sa-buah kesah komidi yang di-bintangi oleh Laurence Harvey dan Eric Sykes, mengenai sa-orang ejen British bernama Stanley Farquhar yang berlainan dari James Bond, meranchang untok mengintip orang2 Russia. Ranchangan itu di-beri nama "Operation Bandylegs"

11.35 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 30HB. APRIL,

PETANG :

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Mainan2 Bahaya"
5.30 THE MAGIC BALL — "City of Machines"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 NEW SCOOBY DOO — "Mamba Wamba and the Boodoo Hoodoo"
6.28 PARTRIDGE FAMILY "In 25 Words or Less"
Episode pertama dalam siri ini di-mana Reuben menganjorkan satu peraduan dan hadiah pertama-nya ia-lah sa-minggu bersama2 Partridge Family.

MALAM :

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 SIX MILLION DOLLAR MAN — "The Madonna Caper"
8.00 PRIVATE LIVES : "The Public Life of the Street Pigeon". Memperlihatkan bagaimana burong2 ini menyesuaikan diri mereka dalam penghidupan di-bandar.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 PUSPARAGAM
9.30 LAURENCE OLIVIER PRESENTS "Daphne Laureola"
11.00 THAT'S HOLLYWOOD "The Fox Tots"

12.00 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 1HB. MEI,

PETANG :

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE ROVER — "My Millions For A Meal"
6.28 BIG BLUE MARBLE
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 BIG BLUE MARBLE — sambongan

MALAM :

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 CHIPS — "Highway Robbery"
8.00 SERIKANDI — Antara isi kandongan kali ini ia-lah : 1. Chuba buat sendiri "Membuat bakul telor untok kahwin". Resepi "Dagang Masak Merah" Make-Up bagaimana menyembohkan jerawat.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HAWAII FIVE O "Secret Witness" Sa-waktu berjalan pulang dari kerja, Ted Reynolds menjadi saksi utama dalam satu pembunohan. Pembunoh itu tahu Ted menyaksikan kejadian itu dan sudah tentu Ted akan menjadi seterus-nya.
9.35 WARSHIP : "All Of One Company". Glenn terputus hubongan dengan anak kapal-nya, apabila ia dapati si-pelaut Dorrity ternyata tidak lagi berada di-atas kapal.

10.25 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 2HB. MEI,

PETANG :

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SESAME STREET — sambongan

MALAM :

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 MAN FROM ATLANTIS — Bahagian kedua.
Bahagian terakhir pengembaran pertama dalam sirj ini di-mana hero-nya Mark Harris yang kelihatan saperti manusia, tetapi tinggal di-lautan.
8.00 KEBUN KITA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 KOJAK — The Summer of '69 — Bahagian pertama.
9.55 THE WATER MARGIN — Siri pertama di-bintangi oleh Atsuo Nakamura sa-bagai hero yang jahat.

10.45 SIARAN TAMAT.

# RADIO ENGLISH PROGRAMMES

**WEDNESDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30—Midweek Greeting by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

**THURSDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30 — Close Down.

**FRIDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement from Our Local Entertainer; 8.30—Light Music From The Netherlands; 8.45—Listenr's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — Talking About Music; 10.15 — A Date with ...; 10.30—Close Down.

**SATURDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—From Our Local Entertainer (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00—The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Agriculture-Key to Living; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

**SUNDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.00—Top of The Pops; (repeat). NOON: 12.00 — FORUM — Vivien Cheong; 12.30 — News; 12.45 — World of Education; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Home To Roost; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Bob Kay produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

**MONDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Home To Roost (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Get Away — travels from Brunei; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Best of Clitheroe; 9.15 — News; 9.30 — Thirty Minute Theatre: "Buffet" by Rhys Adrian; 10.30 — Close Down.

**TUESDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Eddie And The Hot Rods" Side 1; 8.30 — Forum by Vivien Cheong; 9.00 — From Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.30 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

## Dengan kemurahan hati Kerajaan DYMM:

# MBB DAPAT PEJABAT BARU DI-PUSAT BELIA



Yang Dipertua MBB, Awg Haji Jaya bin Abdul Latif.

BERIKUT ini ia-lah uchapan penoh Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, dalam satu majlis penyerahan anak kunchi bagi Ibu Pejabat dan bilek persidangan, MBB, di-Pusat Belia, minggu lalu, yang telah di-serahkan dengan rasmi-nya oleh Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz pada hari Sabtu 15hb April, 1978 yang lalu.

DI-dalam usia-nya yang lebeh daripada 20 tahun Majlis Belia2 pada hari ini sedang menempoh satu sejarah baru dalam mana Majlis Belia2 telah di-hulorkan dengan satu pejabat dan bilek permashuaratan dengan kemurahan hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menerusi Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan. Langkah serupa ini ada-lah sa-chara jelas-nya menunjokkan kejujoran daripada Kerajaan Baginda atas usaha gigih dari Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Kalau dahulu Majlis Belia2 terpaksa mentadbirkan usaha2 pergerakan-nya dengan menggunakan bilek2 yang di-pinjam khusus kerana itu maka kali ini dengan ada-nya pejabat yang di-sediakan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan sudah barang tentu-lah apa jua urusan pentadbiran yang di-kelolakan oleh Majlis Belia2 akan lebeh selesa lagi untok menggerakkan dasar2 yang di-jalankan oleh Majlis Belia2 mengikut perlembagaan-nya dan juga keadaan2 yang di-perdapat di-Brunei ini.

Kaola bagi pehak Jawatankuasa Tertinggi Majlis Belia2 tidak-lah ingin berpura2 bahawa dengan ada-nya bilek pejabat dan mashuarat ini pergerakan Majlis Belia2 akan meningkat ka-satu taraf yang lebeh daripada apa yang di-hajatkan, tetapi kaola dapat-lah membayangkan bagi pehak rakan2 kaola bahawa garis2 pergerakan Majlis Belia2 pada masa ini sudah barang tentu-nya akan dapat di-sempurnakan dengan lebeh giat berpandukan hasrat dan hajat bangsa negara Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini.

Berkebetulan dengan penyerahan anak kunchi bilek pejabat dan permashuaratan pada hari ini memang-lah kena pada tempat-nya bagi Kaola memetek titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan semasa perayaan Maulud Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. baru2 ini dalam mana Baginda antara lain bertitah "... belia ada-lah merupakan golongan yang terbesar dan jika di-pimpin dan di-beri petunjok yang jujor lagi betul menurut ajaran Ugama Islam yang kaum belia akan dapat di-berikan semangat kearah satu masharakat yang kukoh, yang beriman dalam suasana dan keadaan yang aman damai lagi terselamat ..." Baginda juga seterusnya menambah titah "...mudah2an mereka ini nanti akan menyambong dan meneruskan sa-tiap usaha dan pekerjaan yang berkebajikan yang telah dan sedang di-jalankan pada masa ini ...".

Itu-lah pada hemat kaola pergerakan belia dalam Majlis Belia2 negeri ini kerana tidak lain yang lebeh di-perlukan di-dalam negara kita yang sedang membangun ini melainkan keimanan yang penoh kapada Allah dan kuderat serta iradat-nya dan juga pimpinan dan tunjok ajar yang jujor dari semua yang berkenaan agar bumi kita yang bertuah ini akan dapat di-warithkan kapada jenerasi2 yang akan datang dengan rasa bangga dan senang hati khusus dengan fahaman bahawa tangan2 yang mewarithi-nya ada-lah tangan2 yang benar2 ingin bertanggong-jawab kerana Allah jua.

Pada petang hari yang bersejarah ini kaola dengan hati yang jujor lagi ikhlas ingin mengambil kesempatan ini untok menyampaikan salam ta'zim dari Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Majlis Belia2 kapada pergerakan belia di-seluroh negeri moga2 dengan ada-nya pejabat dan bilek permashuaratan ini nanti maka tenaga belia di-Brunei ini akan lebeh dapat di-pergunakan untok kebajikan masharakat jua.

Penchapaian hasrat pergerakan untok kebaikan negara dan bangsa Brunei hanya-lah dapat di-jalankan dengan ada-nya persamaan pendapat dan kerjasama. Walau macham mana pun memang-lah di-akui bahawasanya tidak semua mereka yang terlibat dalam kemajuan akan menuju 100 peratus persefahaman pendapat selagi kita mempunyai pendapat masing2. Tetapi dengan ada-nya kerjasama yang bertujuan untok bertolak ansor maka sudah barang tentu-lah perselisehan faham dan pendapat akan dapat di-kurangkan. Sa-bagaimana kita faham bahawa kerjasama itu tidak akan timbol dan tidak mungkin timbol tanpa kita berkeyakinan akan kebaikan hasrat sahabat2 yang sama2 berbimbing bahu dengan kita, dan kerjasama itu tidak mungkin timbol tanpa kita menghormati orang2 yang turut sama untok menjayakan satu2 langkah yang berkebajikan. Dari itu ada-lah menjadi harapan supaya dalam menuju satu matalamat yang di-chita2kan memang-lah di-kehendaki daripada kita sekalian supaya menghormati bukan sahaja pendapat sahabat sa-perjuangan kita malah juga mengakui kesalahan2 sendiri. Hanya dengan tekat serupa ini sahaja-lah maka kita akan dapat sama2 membangun negara dengan jujor dan ikhlas.

Akhir-nya kaola sekali lagi sukachita menguchapkan bukan sahaja bagi pehak kaola sendiri bahkan juga bagi pehak Ahli2 Jawatankuasa Tadbir Majlis Belia2, uchapan terima kaseh kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kerana kemurahan-nya di-dalam menyediakan bilek2 bagi kegunaan Majlis Belia2 di-Pusat Belia ini. Terima kaseh juga kaola tujukan kapada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang telah sudi meluangkan masa-nya khas bagi menyampaikan anak kunchi bilek pejabat dan permashuaratan Majlis Belia2 ia-itu sa-buah pertubohan dalam mana beliau itu sendiri telah dan sedang merupakan sa-orang tokoh yang sama2 sentiasa menggerakan belia2 di-negeri ini. Seterus-nya terima kaseh juga Kaola tujukan kapada Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan yang telah menunjokkan usaha2 gigih yang tidak kendor2-nya khusus bagi kemajuan belia2 menerusi Majlis Belia2. Kaola dalam Majlis Belia2 sudah barang tentu-lah akan sentiasa bersedia menyahut seruan2 dari beliau mengikut keupayaan Majlis Belia2.



Kelihatan Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif bagi pehak MBB sedang menyerahkan derma sa-banyak $500.00 untok Tabong Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei yang telah di-terima oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, yang juga salaku pengerusi badan tersebut, di-Ibu Pejabat MBB yang baharu di-Pusat Belia. Derma tersebut ada-lah hasil kutipan samasa MBB mengadakan tayangan perdana baru2 ini.

## Lumba jalan kaki jarak jauh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Belia Sumbiling Brunei akan menganjorkan Perlumbaan Semi-Marathon sempena meluaran putera sulong Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri pada 4hb Jun 1978.

Perlumbaan kali yang ketiga ini akan di-bahagikan kapada lima bahagian ia-itu lelaki terbuka, wanita terbuka, lelaki veteran, lelaki berpasokan dan wanita berpasokan. Peserta2 lelaki akan berjalan sa-jauh 17 batu dan perempuan sa-jauh 10 batu.

Tempat berlepas bagi peserta lelaki ia-lah dari Pekan Muara dan bagi peserta wanita dari simpang Jalan Mentiri/Pangkalan Sibabau dan berakhir di-Pusat Belia, BSB, Brunei.

Borang penyertaan boleh di-perolehi daripada:

Awang Ahmad Sherjawi bin Mohd. Yusof, Dewan Bahasa dan Pustaka, BSB, Brunei; Awang Arpan Shahbuddin bin Haji Abdul Latif, Maktab SOAS Senior, BSB, Brunei; Awang Usman bin Haji Abdullah, Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara, Brunei. Tarikh akhir menghantar borang penyertaan ia-lah 30hb Mei, 1978.

## Pertandingan permainan tradisi orang2 M-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu mashuarat ahli2 jawatankuasa Majlis Belia2 Negeri Brunei bagi membinchangkan pertandingan permainan tradisi orang2 Melayu Brunei saperti chongkak, pasang, ku-it, gasing, gulintangan dan lain2 lagi, sempena menyambut Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-32 tahun ini.

Mashuarat tersebut akan di-adakan di-Pejabat MBB di-Pusat Belia pada hari Jumaat, 5hb Mei mulai jam 8.30 pagi.

Juruchakap MBB mengharapkan kapada wakil Persatuan2 Belia dan Badan2 Kebajikan yang bergabong dengan MBB, akan dapat hadhir ka-mashuarat tersebut untok bersama2 membinchangkan pertandingan tersebut atas anjoran MBB sendiri.



## Kejohanan chator

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan chator sa-negeri tahun ini akan di-langsongkan di-Pusat Belia pada tiap2 hari Ahad mulai 7hb Mei, 1978 jam 9.00 pagi.

Kejohanan tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Chator Negeri Brunei, sempena menyambut perayaan ulang tahun ke-32, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tahun ini.

Pertandingan kejohanan chator terbuka itu terbahagi kapada empat bahagian ia-itu; kejohanan perseorangan lelaki dan perempuan, perseorangan kanak2 di-bawah umor 18 tahun dan kejohanan berpasokan.

Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 30hb April ini.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**1. PENGAWAS BANGUNAN :**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu kelulusan yang berikut:—
   i) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   ii) Sijil Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasok mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
   iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan sharat lulus mata Pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya tiga tahun.
c) Hendak-lah mempunyai pengalaman dalam perkara2 berikut:—
   i) Pengawasan dan Pemeliharaan bangunan saperti rumah2 pangsa dan Masjid.
   ii) Penyeliaan Perkerja2 Rendah.
   iii) Pengelolaan Kontrek2 Kechil.
d) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
e) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman yang luas dalam perkara2 yang di-nyatakan di-(c) di-atas boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $ 854-880-905-931-956-982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

**2. PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH KADZI :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu kelulusan yang berikut:—
   i) Mempunyai Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   ii) Sijil Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasok mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
   iii) Mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dengan sharat lulus mata pelajaran Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya 3 tahun dan mempunyai pengalaman dalam Kerja2 Pendaftaran Nikah Kahwin, Urusan2 Mahkamah dan Pentadbiran Pejabat.
   iv) Hendak-lah tahu menulis dan membacha jawi.
   v) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(b) di-atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan salama tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman dalam kerja2 pendaftaran Nikah Kahwin, Urusan2 Mahkamah dan Pentadbiran Pejabat boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — $ 625-657-689-720-752 - 784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

**3. PENOLONG PENGARANG :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu kelulusan yang berikut:—
   i) Mempunyai Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   ii) Sijil Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasok mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
   iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan sharat lulus mata Pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun dan mempunyai pengalaman dalam karang mengarang.
c) Hendak-lah tahu menulis dan membacha jawi.
d) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman dalam karang mengarang boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

**4. PENOLONG SETIA USAHA ZAKAT DAN FITRAH :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
c) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
d) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun serta mempunyai pengalaman dalam Kerja2 Urusan Pentadbiran Zakat dan Fitrah boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 - 625-657-689-720-752-784/ E B / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

**5. PENGAWAS KUBOR :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah sekurang-nya dalam Tingkatan III dan mempunyai Pengetahuan Ugama Islam.
c) Mempunyai pengalaman dalam mengator, mengawas dan mengawal pekerja2 rendah.
d) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
e) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun serta mempunyai pengalaman dalam mengator, mengawas dan mengawal pekerja2 rendah boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 - 625-657-689-720-752-784/ E B / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

**6. JURU TAYANG/ PEMANDU :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
c) Mempunyai pengalaman kebolehan mengenai dengan chara2 menggunakan Projektor Wayang Gambar, alat2 pembesar suara dan generator.
d) Mempunyai Lesen Memandu Kereta Kelas III.
e) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
f) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun serta mempunyai kebolehan dan pengalaman yang luas dalam cheraian (c) di-atas boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB/ 854-880-905-931-956 - 982-1007-1046-1071-1097-1122.

**7. PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
c) Mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai Pemandu Kereta Tingkat II sekurang2-nya tiga tahun dan mempunyai kebolehan untok membaiki kerosakan serta mempunyai pengalaman dalam kerja2 menyelanggara kenderaan.
d) Mempunyai lesen Memandu Kelas V merupakan satu kebolehan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji E.2 EB.3 — $408-421-434-446-459 - 472 - 485-497-510-523.

**8. TUKANG MASAK :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Pernah mengikuti sebarang Kursus Memasak.
c) Mempunyai pengalaman untok menyediakan berbagai jenis masakan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB / 414-427-440.

**9. PEMANDU KERETA TINGKAT II :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
c) Mempunyai lesen Memandu Kereta sekurang2-nya Kelas III dan mempunyai pengalaman memandu sekurang2-nya tiga tahun serta boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — $332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402 - 408/EB/414-427-440.

**10. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis.
c) Mempunyai pengalaman memandu Motor Sangkut dan mempunyai kebolehan untok membaiki kerosakan kechil serta mempunyai pengalaman dalam penyelanggaraan enjin2 motor sangkut.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — $332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402 - 408/EB/414-427-440.

**11. TUKANG KEBUN :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Hendak-lah tahu menulis dan membacha.
c) Hendak-lah mempunyai pengalaman sa-bagai Tukang Kebun.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

**12. PENCHUCHI :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Hendak-lah tahu menulis dan membacha.
c) Hendak-lah mempunyai pengalaman sa-bagai Penchuchi.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb Jun, 1978.
(E/103/78 — Bil: 42/1978)

---

### TENDER NOTICE

TENDERS will be received by by the Chairman of the Tenders Board, at the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon on Monday 15th May, 1978 for:—

SUPPLY OF STAGE EQUIPMENT FOR SPORTS COMPLEX, AT POLICE HEADQUARTERS, JALAN GADONG.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tendeerr.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Board and endorsed as follows :

SUPPLY OF STAGE EQUIPMENT FOR SPORTS COMPLEX, AT POLICE HEADQUARTERS, JALAN GADONG.

5. Tender Document may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Wednesday 19th April 1978 during normal working hours.
6. The tender deposit will be $300.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders to be on the approved form.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

---

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by The Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei, from Brunei Registered Class 'A' and 'B' Electrical Contractors, up to noon on Tuesday 2nd May 1978 for : —

SUPPLY AND INSTALLATION OF AIR CONDITIONING AND VENTILATION WORKS FOR THE DENTAL CENTRE AT BERAKAS CAMP FOR THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows :

SUPPLY AND INSTALLATION OF AIR CONDITIONING AND VENTILATION WORKS FOR THE DENTAL CENTRE AT BERAKAS CAMP FOR THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Wednesday 12th April 1978 during normal working hours.
6. The Tender Deposit will be $300.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders to be on the approved form.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

---

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by The Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei Registered Class 'A' and 'B' Electrical Contractors, up to noon Tuesday 2nd May 1978, for : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR THE DENTAL CENTRE AT BERAKAS CAMP, FOR THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows :

ELECTRICAL INSTALLATION FOR THE DENTAL CENTRE AT BERAKAS CAMP, FOR THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Wednesday 12th April 1978 during normal working hours.
6. The Tender Deposit will be $200.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders to be on the approved form.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

---

### KUALA BELAIT P. W. D. TENDER NOTICE

**SERIAL No. KB 4/1978**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 2hb Mei, 1978 bagi : —

MEMUTONG RUMPUT DI-DAERAH BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 4/1978**

TENDERS will. be received from Class B only and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd May, 1978 for : —

GRASS CUTTING IN BELAIT DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 5/1978**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 2hb Mei, 1978 bagi : —

MENGANGKAT BARANG2 KA-DAERAH BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 5/1978**

TENDERS will be received from Class B only and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd May, 1978 for : —

TRANSPORTATION OF MATERIALS TO BELAIT DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Beiait.

---

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, State Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon Monday 1st May, 1978 for : —

SUPPLY OF GRANDSTAND SEATING FOR SPORTS COMPLEX, AT POLICE HEADQUARTERS, JALAN GADONG.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover, of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to the Chairman, the Tenders Board, and endorsed as follows :

SUPPLY OF GRANDSTAND SEATING FOR SPORTS COMPLEX, AT POLICE HEADQUARTERS, JALAN GADONG.

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chèvalier, Bandar Seri Begawan from Wednesday 12th April 1978 during normal working hours.
6. The tender deposit will be $300.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders to be on the approved form.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

# PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN TERBUKA LUAS

Dari muka 1

gara", tegas Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam sa-lanjut-nya.

Menurut Yang Berhormat itu lagi, kita patut-lah bershukor dan menjunjong kaseh kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah menyediakan berbagai2 kemudahan pelajaran, baik dalam segi akademik mahupun dalam bidang teknikal.

Hal ini jelas Yang Berhormat itu, Kerajaan akan memberi pertimbangan dan peluang untok melanjutkan pelajaran ka-seberang laut kapada mereka yang berkebolehan, sementara mereka yang tidak berkebolehan tetapi mempunyai bakat dalam bidang2 tertentu pula telah di-sediakan kemudahan2 yang tertentu saperti menyediakan sekolah2 kejuruteraan dan teknikal, Pusat Latehan Pertanian dan Pusat Kesenian dan Pertukangan-tangan untok melahirkan kemahiran yang tertentu bagi menchari pekerjaan dalam berbagai lapangan.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja menyatakan bahawa tujuan kursus itu di-adakan ia-lah untok mendekatkan peserta kursus tentang pengertian penganggoran dari segi sosial dan pembangunan ekonomi; memberi gambaran yang lebeh dekat dan berkesan akan ranchangan2 kemajuan Kerajaan dalam semua aspek pembangunan; mendekatkan lagi pengertian kerjasama dan mendorong peserta kursus berdikari serta menambah lagi semangat kaseh sayang dan chinta kapada Raja, Negara, Ugama dan Bangsa.

Kursus sivik yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan dengan kerjasama Jabatan Buroh itu telah di-hadhiri oleh 84 orang belia dan beliawanis yang maseh belum mempunyai pekerjaan di-negeri ini. Majlis penutop akan di-langsongkan pada petang ini dan ia-nya akan berakhir sa-hingga esok di-mana peserta kursus akan mengadakan lawatan ka-Pusat Pertanian Sinaut dan beberapa stesnen2 pertanian.



Sa-bahagian dari peserta2 wanita yang menyertai Kursus Sivik Bimbingan Tenaga.

# Peraduan Berbalas Pantun Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab SOAS (S) telah berjaya melayakkan diri ka-perangkat akhir dalam Peraduan Berbalas Pantun Melayu antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 sa-telah mengalahkan Sekolah Inggeris Berakas di-perengkat tiga suku akhir.

Dalam pusingan awal peraduan itu Maktab SOAS (S) telah berjaya mengalahkan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan mengalahkan Pusat Tingkatan Enam di-perengkat sa-paroh akhir. Dengan ini pasokan tersebut akan bertemu dengan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait di-perengkat akhir.

Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah yang akan bertemu dengan Maktab SOAS (S) itu ia-lah sa- telah berjaya mengalahkan Sekolah Inggeris Perdana Wazir di-perengkat awal dan Sekolah Menengah Melayu Mohammad Alam di-perengkat sa-paroh akhir serta Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan di-perengkat tiga suku akhir.

Perengkat akhir peraduan itu akan di-jalankan di-Sekolah Inggeris Berakas pada tarikh yang maseh belum di-tetapkan.

Sementara itu Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran yang menganjorkan peraduan tersebut juga kini menghantar empat orang pegawai dan guru jabatan itu untok mengikuti kursus sengkat Seni Foto di-Jabatan Radio dan Telivishen Brunei.

Mereka yang telah menjalani kursus itu termasok-lah Awg Dennis Hj Rosli, Pengetua PTE; Awg Mohammad H.M. Yassin, Penolong Penyusun Kesenian; Pg Baharuddin dari Maktab SOAS dan Awg Mohd. Ali bin Yusof dari SM. SMJA.

Kursus tersebut di-adakan pada tiap2 hari Isnin, Selasa dan Rabu dan telah bermula pada 17hb April lepas dan akan berakhir minggu depan. Ia-nya bertujuan bagi membolehkan kelab2 fotographi di-tuboh-kan di-sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini di-masa2 akan datang.

Dari muka 1

tok merapatkan dan menyatukan tenaga dayausaha antara pegawai2 dan kakitangan Kerajaan serta memberi galakan kapada ahli2-nya untok melateh diri dalam melibatkan diri dalam bidang iktisad.

Kata-nya sharikat ini ada-lah terbuka kapada ahli2 Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan dan kakitangan Kerajaan yang bermastautin di-Daerah Brunei/Muara yang berumor 18 tahun ka-atas.

Borang2 permohonan untok menjadi ahli sharikat kerjasama itu telah pun di-bahagi2kan kapada wakil2 tiap2 jabatan.

Awang Puteh meminta ahli2 kesatuan atau pegawai2 kerajaan yang berhajat untok menjadi ahli sharikat tersebut supaya mengembalikan borang2 tersebut melalui wakil2 yang telah di-lantek sa-lewat2-nya 14hb Mei, 1978.

## Urusan pos di-pindah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei akan mula menjalankan perubahan ka-atas bilek bungkusan yang ada pada masa ini di-Ibu Pejabat Besar Pos.

Oleh itu ada-lah di-maalomkan kapada orang ramai bahawa mulai dari 1hb Mei 1978, penerimaan dan penyampaian bungkusan2 biasa dan COD di-Bandar Seri Begawan akan di-jalankan di-salah sa-buah gudang di-bangunan Kastam Diraja Bandar Seri Begawan.

Waktu2 bekerja ada-lah saperti biasa. Kesulitan2 yang timbol daripada perubahan ini ada-lah di-kesalkan.

## Jadual lawatan menyelidek penyakit untut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan akan menjalankan penyelidekan penyakit untut ka-atas pendudok2 di-Daerah Tutong. Sa-masa penyelidekan itu di-jalankan, chontoh2 darah akan di-ambil.

Rombongan penyelidek itu akan memulakan lawatan-nya ka-Kampong Danau pada hari Isnin 1hb Mei. Pendudok2 di-kampong tersebut ada-lah di-nasehatkan supaya berada di-Balai Raya kampong tersebut di-antara jam 7.00 hingga 10.00 malam.

Rombongan tersebut akan berada di-Kampong2 Penabai dan Kuala Tutong pada hari Selasa 2hb Mei; Kampong Bukit Sulang dan Menangah pada hari Rabu 3hb Mei; di-Kampong Lubok Pulau pada 8hb Mei; di-Kampong Penapar pada 9hb Mei dan Kampong Bukit Beruang dan Sawmill pada 10hb Mei. Penyelidekan2 akan di-jalankan di-rumah Ketua Kampong yang berkenaan di-antara 7.00 hingga 10.00 malam.

Rombongan tersebut akan berada di-Rumah Dayang Niah bte Ayum pada 15hb Mei untok mengambil chontoh darah pendudok2 Kampong Kebia. Mereka ada-lah di-kehendaki berkumpol di-rumah tersebut dari jam 7.00 hingga 10.00 malam.

Pada 16hb Mei, rombongan itu akan berada di-rumah Awang Md Tahir bin Abdul Karim, Kampong Pangkalan Mau untok menjalankan penyelidekan ka-atas pendudok2 di-kampong tersebut. Mereka juga di-kehendaki berada di-rumah tersebut dari jam 7.00 hingga 10.00 malam.

# Pegawai2 Imigeresen berkursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai enam orang Pegawai Imigeresen kini sedang berada di-Singapura untok mengikuti kursus sa-lama tiga minggu. Mereka telah bertolak ka-republik itu pada 10hb April dan di-jadualkan balek pada 7hb Mei.

Mereka itu ia-lah Awang Mohd Daud bin Taha, sabagai ketua rombongan; Awang Abdullah bin Abu Hanifah, Awang Sulaiman bin Hidup, Awang Mohiddin bin Abdullah, Ak Mahmud bin Pg Ibrahim dan Awang Halim bin Brahim.

Sa-kembali mereka itu ka-Brunei, satu rombongan Pegawai Imigeresen saramai enam orang akan bertolak ka-Singapura untok mengikuti kursus yang sama.

Rombongan kedua itu ada-lah terdiri dari Awang Ahmad bin Ghani (ketua rombongan); Ak Morni bin Pg Ratna Wangsa Pg Haji Metussin, Awang Malai Hamir bin Haji Malai Mashore, Awang Abdul Majid bin Yusof, Awang Mornie bin Yusof dan Awang Mohd Kassim bin Damit. Mereka itu akan berada di-republik itu sa-hingga 4hb Jun, 1978.

Sementara itu rombongan ketiga yang menganggotai lima orang Pegawai Imigeresen akan bertolak pada 4hb Jun, 1978 untok mengikuti kursus yang sama.

Mereka itu ia-lah Awang Mohd Yusof bin Dagong (ketua rombongan) Awangku Kamaluddin bin Pg Abdul Wahab, Awang Naweh bin Ura, Awang Abdul Hajis bin Amai dan Awang Abidin bin Haji Serudin. Mereka itu akan berada disana sa-hingga 2hb Julai.

Sa-masa kursus itu, pegawai2 imigeresen tersebut akan memerhati kerja2 yang di-jalankan oleh pegawai2 dan kakitangan jabatan Imigeresen Singapura, termasok kerja2 yang di-jalankan di-Lapangan terbang dan Pelabohan.

## Minggu Kerja Pengakap

KUALA BELAIT. — Saramai kira2 300 orang Pengakap Daerah Belait akan memulakan Minggu Kerja Pengakap mulai 1hb hingga 7hb Mei ini.

Sa-orang juruchakap persatuan pengakap daerah itu menyatakan Minggu Kerja Pengakap itu di-adakan ia-lah bagi menambah tabong persatuan dan mengharapkan dengan hasil kutipan itu nanti persatuan itu akan dapat menghantar wakil-nya ka-Jamboree Pengakap Malaysia akan di-adakan di-Kuching tidak lama lagi.

Beliau seterus-nya berharap orang ramai di-daerah itu akan memberikan kerjasama dengan menderma kapada anggota2 pengakap berkenaan apabila sebarang kerja yang di-berikan di-sepanjang minggu Kerja itu di-jalankan.

# Jadual lawatan doktor terbang bagi bulan Mei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ka-kampong2 pendalaman di-Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong bagi bulan Mei depan.

Menurut jadual yang di-keluarkan oleh jabatan tersebut rombongan perubatan itu akan melawat lapan buah kampong di-Daerah Tutong; enam buah di-Daerah Belait dan tiga di-Daerah Temburong.

Jadual lawatan ka-Daerah Tutong ada-lah saperti berikut: Pada 2hb Mei rombongan tersebut akan berada di-Kampong Benutan; 9hb Mei di-Kampong Panchong; 10hb Mei di-Kampong Ukong; 16hb Mei di-Kampong Belabau; 22hb Mei di-Kampong Supon Besar; 23hb Mei di-Kampong Long Mayan dan Supon Kechil dan 24hb Mei di-Kampong Bukit.

Jadual lawatan ka-Daerah Belait ia-lah pada 1hb Mei ka-Kampong Buau; 15hb Mei ka-Kampong Sukang, 17hb Mei ka-Kampong Melilas; 29hb Mei ka-Kampong2 Baran dan Teraja. Rombongan tersebut akan berada sekali lagi di-Kampong Buau pada 30hb Mei.

Rombongan perubatan itu akan berada di-Kampong Lopat, Temburong pada 3hb Mei dan Kampong2 Biang Menangah dan Lamaling pada 8hb Mei.

Pendudok2 yang berkenaan yang memerlukan rawatan perubatan ada-lah di-nasehatkan supaya berada di-tempat2 yang biasanya di-jadikan kelinik sementara apabila rombongan tersebut melawat kampong2 yang di-sebutkan tadi.

Mereka juga di-kehendaki membawa kad perubatan jika ada.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.